

WILAYAH KU

BIL 35 6 - 12 SEPTEMBER 2019

PERCUMA

PP19441/12/2018 (035014)

mediawargakota

www.wilayahku.com.my



Memori terindah
Nur Izzati >3



Pengunjung cuba
loloskan diri
ketika operasi >8

PEMANDU teksi bergambar selepas Majlis Penyerahan Bantuan Caruman Perkeso YWP di Kampung Baru, Kuala Lumpur, Selasa lalu.



Bantu 2,926 pemandu teksi

YWP lanjutkan pendaftaran Program Bantuan Caruman Perkeso hingga 16 September ini

LEBIH 2,000 pemandu teksi di Kuala Lumpur disarankan mengambil peluang daripada Program Bantuan Caruman Pertubuhan Kebajikan Sosial (Perkeso) yang dianjurkan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

Ini bagi membolehkan mereka dilindungi sekiranya berlaku sebarang insiden seperti kemalangan ketika menjalankan tugas sebagai pemandu teksi.

Bagi tujuan itu, YWP menyediakan

peruntukan sejumlah RM201,988.90 kepada 2,926 pemandu teksi yang berdaftar dalam program bantuan berkenaan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, bagi membolehkan lebih ramai pemandu teksi menyertai program itu, YWP telah melanjutkan tempoh pendaftaran sehingga 16 September ini.

BERITA LANJUT DI MUKA 2

Khalid mahu lebih ramai pemandu tekси di Kuala Lumpur mendaftar

Bantuan caruman Perkeso YWP

Oleh NAZWIN NAZRI
winwilayahku@gmail.com
Foto NAZIRUL ROSELAN

KUALA LUMPUR – Pendaftaran Program Bantuan Caruman Pertubuhan Kebajikan Sosial (Perkeso) Pemandu Teksi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dilanjutkan sehingga 16 September ini bagi membolehkan lebih ramai golongan terabit mendaftar.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, melalui langkah itu diharap golongan sasar dapat mengambil peluang mendaftar dan mencarum Perkeso menerusi program yang dilaksanakan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

"Saya berharap lebih ramai akan berdaftar dengan Perkeso kerana masih ada lebih 2,000 pemandu tekси yang belum berdaftar."

"Pada masa ini, YWP memperuntukkan RM201,988.90 kepada 2,926 pemandu tekси yang berdaftar dalam program bantuan berkenaan," katanya pada sidang akbar selepas Majlis Penyerahan Bantuan Caruman Perkeso oleh YWP di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan merangkap



KHALID (depan, tiga dari kiri) menyampaikan replika cek Bantuan Caruman Perkeso YWP kepada pemandu tekси di Kampung Baru, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, Zamri Salleh; Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Zaizalnizam Zainun dan Ketua Bahagian Skim Pekerjaan Sendiri Perkeso, Azhar Mohd. Nazri.

Menurut Khalid, program berkenaan dilaksanakan dalam tiga peringkat bermula Jun hingga Julai tahun ini melibatkan tiga kategori.

Jelas beliau, kategori pertama adalah bantuan caruman untuk pemandu tekси yang telah berdaftar dengan Perkeso dan aktif membuat

caruman.

"Caruman adalah dalam tempoh enam bulan iaitu dari Jun hingga Disember 2019 atau Januari hingga Jun 2020 bergantung pada tarikh tamat caruman sedia ada."

"Maknanya siapa yang aktif dan bayar sampai hujung tahun 2019, kita akan bayar caruman bagi Januari sampai Jun 2020. Bagi kategori ini, hanya 81 orang terlibat dan jumlah caruman terlibat adalah RM6,366.60," ujarnya.

Khalid memberitahu, bagi kategori kedua pula, ia me-



KHALID (kiri) beramah mesra dengan beberapa pemandu tekси yang menerima bantuan caruman Perkeso daripada YWP. Turut kelihatan Zaizalnizam (kanan).

libatkan 708 pemandu tekси berdaftar dengan Perkeso namun tidak membuat caruman dengan agensi itu.

Sehubungan itu, katanya, caruman yang dibuat bermula Jun hingga Disember tahun ini dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM55,648.80.

"Bagi kategori ketiga, bantuan khusus untuk pemandu tekси yang tidak berdaftar dengan Perkeso tetapi membuat pendaftaran ketika program berkenaan dijalankan sehingga tarikh tutup pada

31 Julai lalu.

"Seramai 2,137 pemandu tekси telah berdaftar dengan pihak Perkeso dan nilai caruman adalah untuk tempoh Julai hingga Disember tahun ini iaitu RM139,973.50," jelasnya yang turut menyatakan program itu tidak akan melibatkan pemandu GrabCar atau e-hailing.

Dalam pada itu, Azhar memberitahu, sebanyak RM7.86 juta pampasan dieluarkan kepada 55,809 pemandu tekси di seluruh negara sepanjang tahun ini.

Pemandu tekси lega ada jaminan masa depan

KUALA LUMPUR – Pemandu-pemandu tekси yang layak menerima Bantuan Caruman Pertubuhan Kebajikan Sosial (Perkeso) Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) melahirkan rasa syukur dan berterima kasih atas keprihatinan kerajaan terhadap mereka.

Penerima, S. Mogan, 34, berkata, dengan adanya caruman Perkeso di bawah bantuan YWP, dia berasa lebih terjamin ketika menjalankan tugas sebagai pemandu tekси.

"Sebelum ini saya tidak carum Perkeso. Selepas

mendaftar di bawah program ini, saya rasa selamat sikit kerana sekiranya terlibat dalam kemalangan saya atau keluarga akan mendapat sedikit pampasan."

"Saya sudah memandu tekси selama lima tahun dan dalam tempoh itu pernah terlibat dalam kemalangan tetapi tidak cedera. Masa itu, tiada pampasan apa-apa," katanya



S. MOGAN



RAHMAN



JASBIR SINGH

kepada Wilayahku baru-baru ini.

Seorang lagi penerima, Rahman Rahmat, 47, memberitahu, program bantuan tersebut dapat memberi kesedaran kepada pemandu tekси tentang kepentingan

mencarum dalam Perkeso.

Katanya, caruman Perkeso bukan bertujuan untuk menyusahkan diri sendiri sebaliknya sebagai jaminan pada masa akan datang,

"Kalau minta mencarum sekarang, memang saya tidak mampu kerana pendapatan harian agak sukar diperoleh. Macam hari ini, baru dapat RM20. Kadang-kadang dapat tiga hari tetapi empat hari lagi kosong."

"Pendapatan yang diperoleh juga hanya cukup untuk makan. Malah pemandu tekxi

jugalah susah untuk bercuti selain perlu berhadapan dengan bayaran permit dan sewa tekxi," jelasnya yang turut berharap bantuan diteruskan kerana mendapati caruman penting pada masa ini.

Bagi Jasbir Singh Bachan Singh, 54, pula, caruman berkenaan bagus untuk pemandu tekxi dan dia telah mencarum sejak tahun lalu.

Dia yang sudah 32 tahun memandu tekxi berkata, caruman yang dibuat adalah untuk jaminan keluarganya pada masa hadapan.



Memori terindah Nur Izzati

Oleh AZLAN ZAMBRY
azlanwilayahku@gmail.com

PELUANG untuk menyertai perbarisan sempena Hari Kemerdekaan ke 62 yang berlangsung di Putrajaya baru-baru ini menjadi satu memori indah buat Nur Izzati Mohd. Amir, 16.

Pelajar tingkat empat Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 11 (1) itu menceritakan, pada mulanya ada pelajar yang diarahkan oleh guru datang kelas ke kelas untuk memanggil pelajar yang telah dipilih untuk menyertai perbarisan tersebut.

"Asalnya nama saya tidak berada dalam senarai kerana beberapa

nama pelajar lain telah dipilih terlebih dahulu,

"Namun kerana minat dan semangat yang berkobar-kobar untuk turut serta, saya cuba sedaya-upaya bertanya sekiranya ada kekosongan kerana saya juga mahu turut serta.

"Rezeki telah berpihak kepada saya, maka saya turut terpilih untuk menyertai perbarisan pada hari kemerdekaan baru-baru ini," katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Menurut Nur Izzati, setelah terpilih, para pelajar dikehendaki menjalani tempoh latihan selama dua minggu sahaja menjelang 31 Ogos.

"Semasa menjalani latihan, kami telah diarahkan untuk berada di sekolah seawal 6.15 pagi dan memulakan latihan acara perbarisan dalam pukul 8 pagi sehingga 11 pagi.



"Kami menjalani latihan kawad dan perbarisan selama dua hari di sekolah dan empat hari lagi di Universiti Multimedia (MMU) Cyberjaya dan selebihnya di Dataran Putrajaya," katanya.

Tambah Nur Izzati lagi, meskipun sesi latihan kawad dan perbarisan itu sungguh memenatkan, dia kuatkan semangat untuk mempersembahkan yang terbaik pada hari bersejarah tersebut.

Kata Nur Izzati lagi, antara pengalaman manis yang tidak akan lupakan ialah pasangan kembarnya, Nur Izzah turut menjadi peserta di dalam perbarisan tersebut.

"Kami merupakan peserta

dalam kontingen pertubuhan bukan badan kerajaan. Kami telah menunjukkan kerjasama yang baik dan mendapat puji-an daripada para peserta lain," katanya yang menganggotai pasukan beruniform Pandu Puteri.

Kata Nur Izzati lagi, debaran memuncak apabila tiba pada hari yang bersejarah itu walaupun persiapan telah dilakukan selama dua minggu.

Nur Izzati yang memasang impian untuk menjadi doktor gigi pada suatu hari nanti, berkata, pengalaman menyertai perbarisan Hari Kemerdekaan tersebut membuatkan semangat patriotiknya berkobar-kobar.

Anak bongsu dari lima beradik ini berkata, dia berharap agar rakyat negara ini akan lebih bersatu padu bagi memastikan Malaysia terus maju pada masa hadapan.

Program Malaysia, Negaraku Tercinta di IOI City Mall Putrajaya meriah

Wilayahku dekati pembaca

Oleh AZLAN ZAMBRY
azlanwilayahku@gmail.com

PUTRAJAYA – Bahagian pemasaran *Wilayahku* baru-baru ini menjalankan promosi dan program dengan kerjasama IOI City Mall di sini sempena Hari Kemerdekaan ke 62.

Pegawai Pemasaran Wilayah Media Sdn. Bhd, Mohd. Zuhairi Madzlan berkata, pihaknya telah merancang program untuk memperkenalkan jenama *Wilayahku* kepada orang ramai di samping kewujudan produk-produk dalam *Wilayahku*.

"Kami menggunakan program ini untuk memperkenalkan segmen *Wilayahku Entertainment News Update (WE News)* melalui saluran YouTube WK TV.

"Kami juga membuat hebahan mengenai akhbar *Wilayahku* dan portal berita



SEKUMPULAN kanak-kanak berpakaian tradisional pelbagai kaum mengadakan persembahan pada program Malaysia, Negaraku Tercinta di IOI City Mall Putrajaya baru-baru ini.

Wilayahku.com.my yang telah dilancarkan Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad baru-baru ini," katanya.

Kata Mohd Zuhairi, *Wilayahku* yang membuka booth pada program Malaysia, Negaraku Tercinta anjuran pusat beli-belah itu mengambil peluang memperkenalkan akhbar dan portal berita *Wilayahku*.

Bagi memeriahkan suasana,

kita menganjurkan program bagi golongan kanak-kanak melalui aktiviti 'Make Your Own Newspaper' Workshop.

"Aktiviti yang dianjurkan sempena Hari Kemerdekaan menerapkan nilai-nilai terpuji serta semangat cintakan negara dalam kalangan kanak-kanak".

"Kami turut menganjurkan aktiviti kraf dengan melekat



SEBAHAGIAN kanak-kanak menyertai aktiviti 'Make Your Own Newspaper' Workshop' di booth promosi *Wilayahku* di IOI City Mall Putrajaya.

dan mewarna mengikut kreativiti masing-masing mengenai kemerdekaan" katanya.

Tambah Mohd Zuhairi, program promosi selama dua hari itu berjaya merekodkan penyertaan seramai 800 orang.

Katanya, *Wilayahku* merancang lebih banyak program promosi kepada seluruh warga kota.

"Kami merancang aktiviti-aktiviti promosi agar warga kota lebih mengenali akhbar *Wilayahku* yang membawa tema media warga kota.

"Dengan kejayaan pengajian program secara usaha sama dengan IOI City Mall, kami akan bekerjasama dengan rakan strategi lain untuk memperkenalkan *Wilayahku* kepada orang ramai," katanya.